

# Bot laju ganti feri ikonik sedia dilaksanakan

Tiga bot laju disewa, dua daripadanya akan beroperasi serentak bermula 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2022

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Penang Port Sdn Bhd (PPSB) sudah bersedia melaksanakan perkhidmatan bot laju untuk penumpang bagi menggantikan feri ikonik Pulau Pinang bermula pada 1 Januari ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, V Sasedharan berkata, tiga buah bot laju telah disewa dan dua daripadanya akan beroperasi serentak sepanjang tempoh interim bermula 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2022.

Menurutnya, kesemua bot itu telah mendapat lesen keselamatan daripada Jabatan Laut Malaysia untuk beroperasi sepanjang 18 bulan akan datang.

“Untuk bot laju, ia mempunyai 40 perjalanan bermula jam 6.30 pagi hingga 11.30 malam setiap hari. Bot ini akan bergerak mengikut jadual iaitu satu

perjalanan setiap 30 minit yang mana kapasitinya adalah 200 penumpang.

“Pada hari ini, kita sudah bersedia untuk melaksanakan perkhidmatan bot laju ini pada 1 Januari,” katanya kepada pemberita selepas sesi lawatan terminal dan tinjauan operasi perkhidmatan feri baharu di Terminal Kapal Persiaran Jeti Swettenham di sini pada Isnin.

Tambahnya, tambang bot laju adalah sama seperti tambang untuk pejalan kaki bagi feri ikonik pada waktu ini.

“Bot laju ini hanya mengambil masa tujuh hingga 10 minit untuk satu perjalanan. Ini amat menjimatkan masa berbanding dengan feri ikonik yang mengambil masa kira-kira 20 minit untuk satu perjalanan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng berkata, kesemua bot laju itu telah dapat lesen keselamatan daripada Jabatan Laut Malaysia dan selamat untuk beroperasi.

“Saya faham ada beberapa pihak yang mempertikaikan tentang keselamatan bot laju ini. Orang ramai tidak perlu risau kerana kita sudah mendapat lesen keselamatan daripada Jabatan Laut Malaysia dan selamat untuk membawa penumpang.

“Saya minta beri peluang kepada SPPP dan PPSB untuk



Teik Cheng (dua dari kiri) dan Sasedharan (kanan) bergambar di atas bot laju yang akan beroperasi pada 1 Januari nanti.

buktikan bahawa perkhidmatan ini adalah terbaik. Kita yakin ramai penumpang akan menaiki bot laju ini bermula 1 Januari nanti tambahan pula kita memberi tambang secara percuma dua minggu,” katanya.

Tambahnya, perkhidmatan feri bot laju itu juga dijangka digunakan oleh kira-kira 1.8 juta penumpang memandangkan ia lebih selesa, pantas dan efisien kepada pengguna.

“Pada 2019, jumlah pejalan kaki yang menggunakan perkhidmatan feri ikonik adalah sekitar 1.3 juta.

“Jadi kita jangka jumlah penumpang feri bot laju ini juga akan meningkat seiring dengan perkhidmatan yang lebih pantas dan selesa serta berhawa di-

ngin,” katanya.

Pada 15 Disember lalu, Teik Cheng mengumumkan perkhidmatan feri di Pulau Pinang untuk kenderaan empat tayar akan dihentikan bermula 1 Januari tahun depan yang mana feri sedia ada hanya untuk kegunaan motosikal dan basikal.

Bermula tarikh itu juga, perkhidmatan feri bagi penumpang, motosikal dan basikal akan diambil alih oleh Penang Port Sdn Bhd (PPSB) daripada Prasarana Malaysia Berhad.

PPSB juga akan menyediakan perkhidmatan katamaran untuk penumpang, motosikal dan basikal bagi menggantikan feri sebelum ini.

Untuk sementara, perkhidmatan bagi penumpang

menggunakan feri laju manakala untuk motosikal serta basikal menggunakan feri sedia ada.

Bermula 1 Januari 2021 hingga Jun 2022, penggunaan feri laju dan feri sedia ada adalah langkah interim sebelum empat katamaran yang akan dijadikan teksi air dan *vehicle transporter* digunakan.

Namun, Teik Cheng berkata, bagi mengekalkan nilai sejarah dan elemen ikonik Pulau Pinang, SPPP akan menempatkan dua buah feri sedia ada di Tanjung City Marina.

Dua feri itu akan diubah suai sebagai restoran dan muzium terapung yang mana, kedua-duanya tidak akan bergerak dan hanya diletakkan di Tanjung City Marina.